

# SPRM anjur program perkasa amalan perakaunan, pengauditan tangani rasuah

Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@mediaprima.com.my



**myMetro**

Mohd Azwan Ramli

Kuala Lumpur: Bahagian Analisa Kewangan (BAK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menganjurkan Program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan bagi memerangi jenayah kewangan terutama rasuah dan salah guna kuasa.

Program yang julung kali membabitkan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM), Akauntan Negara Malaysia (ANM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA) serta Universiti Multimedia akan dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPPR, Tan Sri Azam Baki pada 14 Ogos ini di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Turut sama akan hadir dalam majlis perasmian itu ialah Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi; Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin; Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin; Ketua Pegawai Eksekutif MIA, Dr Wan Ahmad Rudirman Wan Razak; Presiden MAICSA, Datuk Akbar Moidunny dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Rezy Izwan Ramly.

Pengarah BAK SPPR, Mohd Azwan Ramli berkata, program itu akan disertai pegawai SPPR, agensi kerajaan dan badan berkanun, universiti serta badan profesional membabitkan sesi perkongsian pengalaman dan libat urus bertujuan membentuk kerjasama strategik melalui aktiviti yang akan dirancang.

## Disyorkan

- [SPRM dapat nama untuk dipantau](#)
- [Wajib jadi ahli GERAH](#)
- [Mohd Shukri angkat sumpah KP SPPR](#)
- [SPRM telus, dipantau 5 panel bebas - Azam Baki](#)

Beliau berkata, semua pihak yang hadir juga akan berkongsi pandangan dan kepakaran untuk mengenalpasti amalan terbaik dalam bidang perakaunan serta pengauditan di negara ini bagi menangani jenayah kewangan terutamanya jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

"Menerusi program ini kelak secara tidak langsung menyokong hasrat kerajaan dalam melaksanakan Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang memberi fokus terhadap keberkesanannya usaha pencegahan rasuah, meningkatkan tatakelola dan integriti di dalam sektor awam dan swasta.

"Usaha ini juga dilihat selari dengan kehendak Artikel 12 United Nations Convention Against Corruption (UNCAC) memperkuatkan piawaian perakaunan dan pengauditan," katanya dalam kenyataaan.

Disiarkan pada: Ogos 11, 2024 @ 5:16pm